

20 JUL 2000

Mahathir-Sagadevan

DR MAHATHIR NASIHAT KELUARGA SAGADEVAN URUS BANTUAN DENGAN BAIK

KUALA KANGSAR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati keluarga mendiang detektif sarjan R. Sagadevan untuk menguruskan bantuan yang telah diterima dengan baik demi masa depan anak-anaknya.

"Walaupun kita dapati banyak bantuan, ia hendaklah diurus dengan baik untuk kebajikan anak-anaknya," katanya kepada selepas bertemu dengan keluarga mendiang Sagadevan, seorang daripada dua anggota keselamatan yang dibunuh oleh kumpulan perompak senjata api di Bukit Jenalek, Sauk baru-baru ini.

Beliau juga menemui Sarjan Mohamed Shah Ahmad, orang tebusan kumpulan berkenaan yang selamat dalam kejadian itu.

Dr Mahathir meluangkan masa hampir sejam beramah mesra dengan mereka pada pertemuan itu yang berlangsung di Resort Safari Sungai Perak di sini.

Kumpulan perompak itu telah menahan empat orang sebagai tebusan semasa berkubu di bukit Jenalek selepas rompakan senjata di kem tentera di Gerik pada 2 Julai dan membunuh dua daripada mereka sebelum menyerah diri pada 6 Julai.

Dr Mahathir berkata kerajaan amat berterima kasih dengan pengorbanan yang telah dibuat oleh mereka yang telah dibunuh dengan cara yang kejam oleh kumpulan perompak itu.

"Walaupun diberi bantuan sikit tapi tak dapat ganti suami atau bapa yang telah pergi," katanya.

"Saya akan tolong dia (balu Sagadevan) dan keluarganya. Demikian juga Mat Shah, kita bantu seberapa yang boleh," katanya.

Yang hadir pada pertemuan itu ialah balu Sagadevan, S. Malliga, serta lima orang anaknya, Rajeswari, 24, Thanabalan, 22, Baladevan, 20, Poobaladevan, 17, dan Kumarthevan, 13.

Mohd Shah pula diiringi isterinya Rohaiyah Salleh, 40, dan anak-anaknya Mohd Saifol Adilli, 14, Hafizam, 21, dan Nazira, 11.

Dr Mahathir turut memberikan sumbangan peribadi kepada keluarga Sagadevan dan Mohd Shah.

Sementara itu, adik sepupu Sagadevan, S. Supramaniam, yang menjaga kebajikan keluarga tersebut, melahirkan rasa terharu apabila Perdana Menteri turut berjanji untuk memastikan agar bantuan yang dijanjikan oleh pelbagai pihak dapat dihulurkan segera kepada mereka.

Beliau berkata keluarga mendiang memang berharap bantuan yang dijanjikan itu termasuk sebidang tanah yang dijanjikan oleh kerajaan negeri dan sebuah rumah yang dijanjikan oleh MIC, dapat diberikan segera.

Beliau berkata keluarga Sagadevan hari ini mengadakan acara khas sempena hari ke-16 kematian Sagadevan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, yang juga anggota parlimen Kuala Kangsar, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Aziz dan Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Jamil Johari.

-- BERNAMA

HK HJ AZZ NMO